



Bank Pilihan Anda

Soalan-soalan Lazim (FAQ Hebahan) **Pembaharuan Kad Debit-i Bank Rakyat Yang Telah Luput**

1. Apakah itu pembaharuan Kad Debit-i yang telah luput?

Pembaharuan Kad Debit-i merupakan proses penggantian kad debit yang telah mencapai tarikh luput dan akan digantikan dengan kad debit yang mempunyai tempoh tarikh luput yang baru.

2. Apakah kriteria bagi penggantian Kad Debit-i?

Kriteria bagi penggantian kad debit adalah kad debit yang telah mencapai tarikh luput dan memastikan baki minima akaun simpanan sebanyak RM10.

Nota:

Akaun Simpanan-i yang berstatus pendam dan mempunyai baki RM10 dan ke bawah akan ditutup dan baki akaun akan diserap sebagai caj perkhidmatan cawangan.

Kehilangan Buku Akaun Simpanan-i: Pelanggan dikehendaki mengisi Borang Laporan kehilangan buku simpanan dan Surat Pengakuan Kehilangan/Kerosakan Akaun Simpanan-i yang telah dimatikan setem terlebih dahulu. Pelanggan boleh membuat laporan kehilangan buku simpanan dan penutupan akaun di mana-mana cawangan yang berhampiran

3. Adakah terdapat sebarang caj semasa proses pembaharuan Kad Debit-i dibuat?

Tiada sebarang caj yang dikenakan kepada pelanggan.

4. Apakah tindakan pelanggan setelah pelanggan menerima SMS?

Pelanggan perlu log masuk dan kemaskini alamat penghantaran di laman sesawang www.irakyat.com.my untuk proses pembaharuan dan penghantaran kad.

SMS Kad Debit-i Akan Tamat Tempoh:

BANK RAKYAT:Kad Debit-i anda akan tamat tempoh pada bulan ini. Log masuk & kemaskini maklumat di www.irakyat.com.my untuk proses pembaharuan & penghantaran kad anda. Info lanjut, hubungi 03-26936880.

SMS Kad Debit-i Telah Tamat Tempoh:

BANK RAKYAT:Kad Debit-i anda telah tamat tempoh. Log masuk & kemaskini maklumat di www.irakyat.com.my untuk proses pembaharuan & penghantaran kad anda. Info lanjut, hubungi 03-26936880.

5. Sekiranya terdapat perubahan pada alamat rumah pelanggan, apakah cara untuk mengemaskini alamat pelanggan?

Cara mengemaskini alamat pelanggan adalah seperti berikut:

- i) Log masuk di www.irakyat.com.my
- ii) Pelanggan hadir di cawangan terdekat Bank Rakyat
- iii) Pelanggan menghubungi Pusat Kad di 03-26936880.

6. Apakah pelanggan perlu lakukan setelah log masuk di i-Rakyat dan bagaimana proses mengemaskini alamat di i-Rakyat?



Langkah 1 :
Login ke
www.irakyat.com.my



Langkah 2 :
PILIH Kemaskini Maklumat /
Update Information



Langkah 3 :
Kad Debit-i akan dihantar
mengikut pilihan pengambilan
kad

7. Apa yang pelanggan perlu lakukan sekiranya Kad Debit-i telah tamat tempoh dan tidak menerima sebarang notifikasi melalui SMS?

Pelanggan boleh melakukan perkara seperti berikut:

- i) Log masuk di www.irakyat.com.my
- ii) Pelanggan hadir di cawangan terdekat Bank Rakyat
- iii) Pelanggan menghubungi Pusat Kad di 03-26936880.

8. Sekiranya pelanggan telah log masuk akaun i-Rakyat, namun alamat penghantaran tidak dapat dikemaskini. Apakah yang perlu dilakukan oleh pelanggan?

Pelanggan perlu menghubungi talian Pusat Kad di 03-26936880.

9. Apakah pelanggan perlu lakukan sekiranya Kad Debit-i telah tamat tempoh dan pelanggan tidak mempunyai akaun i-Rakyat?

Pelanggan perlu hadir di cawangan Bank Rakyat terdekat bagi tujuan pembaharuan kad debit.

10. Sekiranya pelanggan merupakan pemegang Kad Siswa atau Kad Cashless yang telah tamat tempoh, adakah pelanggan akan menerima kad yang sama semasa proses pembaharuan kad?

Pihak bank akan mengenalpasti kad debit pembaharuan yang diperlukan oleh pelanggan.

Nota: Sekiranya pelanggan masih berada dalam tempoh pengajian dan merupakan pemegang kad cashless, pelanggan akan menerima kad cashless semasa proses pembaharuan kad.

11. Bagaimana kad Kad Debit-i pelanggan dihantar?

Kad debit pelanggan akan dihantar secara pos ke alamat terkini yang didaftarkan oleh pelanggan di laman sesawang www.irakyat.com.my.

12. Bagaimana pengaktifan Kad Debit-i dilakukan setelah kad diterima?

Sekiranya pelanggan mengemaskini maklumat alamat di i-Rakyat pelanggan akan menerima nombor PIN sementara melalui SMS dan pelanggan perlu membuat penukaran nombor PIN di mesin ATM Bank Rakyat yang terdekat.

Sekiranya pelanggan hadir di cawangan dan membuat pembaharuan kad, pengaktifan kad secara PIN di ATM tidak diperlukan.

13. Berapa lama Kad Debit-i akan diterima setelah maklumat telah dikemaskini?

Kad Debit-i akan diterima dalam tempoh masa 14 hari bekerja setelah maklumat alamat dikemaskini di laman sesawang www.irakyat.com.my.

14. Bagaimana untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pembaharuan Kad Debit-i ini?

Maklumat lanjut boleh diperolehi melalui:

- a) Laman sesawang Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my
- b) Perbankan Internet di www.irakyat.com.my
- c) Pusat Kad Bank Rakyat di talian 03-26936880.